# KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
## PEPERIKSAAN AKHIR

| | | |
|---|---|---|
| **NAMA KURSUS** | : | **TEORI SENIBINA 1** |
| **KOD KURSUS** | : | **DSB1053** |
| **PEPERIKSAAN** | : | **OKTOBER 2019** |
| **MASA** | : | **2 JAM 30 MINIT** |

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
   i. Kertas Soalan
   ii. Kertas Jawapan Objektif
   iii. Buku Jawapan

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

**© Hak cipta Kolej Yayasan Pelajaran Johor**

**BAHAGIAN A (10 MARKAH)**

Jawab **semua** soalan di dalam Kertas jawapan Objektif.

1. Yang manakah antara elemen senibina berikut yang menunjukkan kesamaan antara Senibina Romanesque dan Senibina Rom?

**A** *Obelisk*

**B** *Barrel vault*

**C** Tingkap Ros

**D** Batu *Sarsen*

2.

| |
|---|
| *Mempunyai gerbang tajam sebagai maksud "menunjuk ke syurga". Gerbang ini menjadi imej keseluruhan bangunan.* |

Penyataan di atas merujuk kepada elemen seni bina ____________.

**A** India

**B** China

**C** Gothic

**D** Romanesque

3. Berikut merupakan jenis-jenis binaan Senibina China **kecuali**

**A** Mastaba

**B** *Pavilion*

**C** Altar dan kuil

**D** Istana Maharaja

4. **Rajah 1** menunjukkan sebahagian ruang dalam gereja Romanesque. Nyatakan elemen yang dilabel X




*Rajah 1*

**A** Aisle

**B** Cloister

**C** Narthex

**D** Clerestorey

5. Pilih kenyataan yang betul bagi Senibina India.

   i. Contoh binaan adalah *stupa, sikhara* dan *torana*
   ii. Ia merangkumi Pakistan, Bangladesh dan Sri Lanka
   iii. Mempunyai pengaruh agama Buddha, Hindu, Jain dan Islam
   iv. Kebanyakan kuil Hindu memaparkan arca dan ukiran binatang

   **A** i, ii, iv
   **B** i, iii, iv
   **C** ii, iii, iv
   **D** i, ii, iii, iv

6. Berikut merupakan jenis-jenis gaya bumbung dalam Senibina Jepun **kecuali**

   **A** *Hogyo*
   **B** *Irimoya*
   **C** *Kirizuma*
   **D** *Yariganna*

7. Nyatakan gaya popular Senibina Gothic

   **A** Gaya *Barbaric*
   **B** Gaya dramatik
   **C** Gaya semula jadi
   **D** Pendekatan kebangkitan semula

8. Berikut merupakan kenyataan yang **benar** tentang Senibina Gothic :

   i. gerejanya digelar Katedral
   ii. ilham dari Senibina Greek dan Roman
   iii. bermula pada kurun ke 13 di Perancis
   iv. sebahagian besar bangunannya berbentuk simetri

   **A** i, ii
   **B** i, iii
   **C** ii, iv
   **D** i, ii, iii, iv

9. Berikut merupakan arkitek terkenal semasa era Senibina Renaissance **kecuali**

**A** Lorenzo

**B** Brunelleschi

**C** Charlemagne

**D** Leonardo da Vinci

10. Berikut merupakan kenyataan yang **benar** tentang Senibina Baroque:

i. bermula di Itali

ii. bermula di Ireland

iii. bentuk seni yang cenderung dengan emosi dan bentuk-bentuk natural

iv. dikaitkan dengan kuasa *Paus* sebagai pimpinan tertinggi agama Katolik

**A** i, ii

**B** i, iii

**C** ii, iv

**D** i, iii, iv

**[10 MARKAH]**

## BAHAGIAN B (30 MARKAH)

Jawab **semua** soalan di dalam Buku Jawapan.

### SOALAN 1

Lakarkan binaan/elemen yang disenaraikan di bawah

i. Kubah dalam Senibina Islam
ii. *Sikharas* dalam Senibina Hindu
iii. *Pagoda* dalam Senibina China
iv. *Irimoya* dalam Senibina Jepun
v. *Groin vault* dalam Senibina Romanesque

(10 markah)

### SOALAN 2

a. Labelkan elemen Seni bina Gothic dalam **Rajah 1**:




Rajah 1

(5 markah)

b. Renaissance berasal dari terma "la-rinascita" yang bermaksud ____________

(1 markah)

c. Senaraikan **empat (4)** aspek yang ditekankan di dalam pembinaan bangunan gaya Renaissance

(4 markah)

**SOALAN 3**

Jelaskan **satu (1)** fungsi elemen-elemen seni bina berikut:

a. Senibina India

i. Sikharas (2 markah)

ii. Stupas (2 markah)

b. Senibina China

i. *Chinese Pavilion* (2 markah)

ii. *Storeyed Pavilion* (2 markah)

iii. *Imperial Palace* (2 markah)

**[30 MARKAH]**

## BAHAGIAN C (60 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan. Jawab **ENAM (6)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

### SOALAN 1

a. Terangkan aspek / prinsip asas yang digunakan oleh arkitek-arkitek zaman Renaissance dalam menghasilkan sesebuah rekabentuk bangunan

(5 markah)

b. Berikan nama arkitek yang merekabentuk Villa Rotunda

(1 markah)

c. Nyatakan fungsi Villa Rotunda

(4 markah)

### SOALAN 2

a. Terangkan **lima(5)** ciri yang terdapat pada Villa Rotunda

(10 Markah)

### SOALAN 3

a. Senaraikan **empat(4)** faktor perkembangan Senibina Romanesque

(4 markah)

b. Terangkan **tiga(3)** kesan 'perjalanan suci' *(pilgrimage)* orang-orang Kristian semasa zaman Pertengahan Eropah terhadap Senibina Romanesque

(6 markah)

### SOALAN 4

a. Lakarkan elemen senibina yang terdapat pada Senibina Romanesque berikut:

i. *Cushion Capitals*

ii. *Twisted pillar*

iii. *Blind Arcade*

iv. *Recessed arched entrance*

*vi.* *Wheel window*

(10 Markah)

**SOALAN 5**

a. Jelaskan **tiga(3)** kriteria bagi binaan Senibina Jepun di bawah:

i. Rumah Shinden – Zukuri

ii. Rumah Shoin - Zukuri

(6 markah)

b. Terangkan **dua(2)** kriteria bagi rumah Senibina Awal Jepun mengikut era di bawah:

i. Era Jomon

ii. Era Yayoi

(4 markah)

**SOALAN 6**

a. Terangkan dengan ringkas definisi Senibina Islam

(4 markah)

b. Senaraikan **enam(6)** jenis binaan dalam Senibina Islam.

(6 markah)

**SOALAN 7**

a. Terdapat tiga elemen asas yang digunakan sebagai panduan dalam merekabentuk bangunan dalam Senibina Islam. Senaraikan **dua(2)** daripadanya.

(2 markah)

b. Terangkan fungsi elemen dekoratif berikut di dalam Senibina Islam:

i) Corak geometri

ii) Cahaya

iii) Air

iv) Kaligrafi

(8 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**